



PELAN STRATEGIK

MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGGAM

2022 - 2026





KANDUNGAN

Mukasurat

PERUTUSAN YANG DIPERTUA	4-5	
ALUAN PENGERUSI JK PELAN STRATEGIK	6-7	
RINGKASAN EKSEKUTIF	8	
BAB 01	PENDAHULUAN	9
	<i>Sejarah & Latar belakang penubuhan</i>	10
	<i>Fungsi dan Peranan & Objektif</i>	11
	<i>Carta Organisasi</i>	12
BAB 02	PENCAPAIAN & PENGIFTIRAFAN 2016-2021	13-20
BAB 03	SISTEM PENGURUSAN KUALITI	21
	<i>Skop Pengurusan Perkhidmatan</i>	22
	<i>Dokumentasi Sistem Pengurusan Kualiti MDSR</i>	23
	<i>Isu dan cabaran (Analisis SWOT)</i>	24
	<i>Pihak Berkepentingan</i>	25
	<i>Dasar Kualiti</i>	26
	<i>Piagam Pelanggan</i>	27
	<i>Nilai Bersama</i>	28
BAB 04	HALA TUJU STRATEGIK & PELAN TINDAKAN	29
	<i>Peta Strategik MDSR</i>	30
BAB 05	STRATEGI & PELAN TINDAKAN	31
	<i>Strategi, Program dan KPI</i>	
	<i>i. Strategi Objektif 1</i>	32-37
	<i>ii. Strategi Objektif 2</i>	38-39
	<i>iii. Strategi Objektif 3</i>	40-42
	<i>iv. Strategi Objektif 4</i>	44-45
	PENUTUP	46

PERUTUSAN YANG DIPERTUA

HAJI ABDUL HAKIM BIN ABD MANAP

Yang DiPertua
Majlis Daerah Simpang Renggam



Peratusan YANG DIPERTUA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَبِّكُمُ اللَّهُ أَكْبَرُ كَاتِبُهُ

Alhamdulillah, segala puji dan syukur kehadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya, Pelan Strategik Majlis Daerah Simpang Renggam 2022-2026 dapat direalisasikan.

Pelan strategik ini akan menjadi dokumen rujukan utama dalam merangka strategi dan hala tuju selaras dengan visi MDSR Ke Arah Perbandaran Lestari. Pelan Strategik ini merupakan usaha berterusan MDSR bagi mengorak langkah ke arah pencapaian melalui perancangan strategi dan program secara sistematik bagi melaksana tindakan yang tepat dalam aspek tadbir urus serta pembangunan kawasan pentadbiran MDSR.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas segala usaha, komitmen serta kesungguhan kepada semua warga kerja MDSR sehingga terhasil pelan strategik MDSR 2022-2026.

Pelan Strategik ini, akan menjadi rujukan bagi pelaksanaan program dan aktiviti setiap Jabatan/Bahagian/Unit di MDSR bagi menghasilkan output dan *outcome* seperti yang diharapkan. Oleh yang demikian, sejajar dengan penerbitan Pelan Strategik MDSR 2022 – 2026 ini saya berharap fungsi Jabatan dapat dioptimumkan untuk memberi impak kepada pelanggan dalam apa jua keadaan semasa.

Justeru, Pelan Strategik ini akan menjadi wadah dan manifestasi warga kerja MDSR terhadap ketersediaan menggalas tanggungjawab dan memberikan komitmen penuh dalam sistem penyampaian perkhidmatan perbandaran kepada seluruh warga Simpang Renggam.

Akhir kata, harapan saya agar Pelan Strategik MDSR 2022-2026 ini dapat memperlihatkan kepentingan dan relevansi MDSR sebagai peneraju perkhidmatan perbandaran berteraskan amalan Maju, Dinamik, Sejahtera dan Resposif sebagai Nilai Bersama kita menuju Visi MDSR, Ke Arah Perbandaran Lestari.

Sekian, terima kasih

HAJI ABDUL HAKIM BIN ABD MANAP
Yang Dipertua
Majlis Daerah Simpang Renggam

KATA ALU-ALUAN

PENGERUSI JK PELAN STRATEGIK

SYED AMINUDDIN BIN SYED SALLEH

Pengerusi Jk Pelan Strategik
Majlis Daerah Simpang Renggam



Kata Alu-Aluan

PENGERUSI JK PELAN STRATEGIK

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada warga kerja Majlis Daerah Simpang Renggam sama ada yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung di atas usaha dan kerjasama yang diberikan bagi menerbitkan **Pelan Strategik Majlis Daerah Simpang Renggam 2022 – 2026**.

Melalui penyediaan Pelan Strategik ini, kita perlu peka dan sentiasa memantau pelaksanaan program dan aktiviti yang telah ditetapkan. Setiap fokus mempunyai kepelbagaiannya aktiviti serta tindakan yang perlu dilaksanakan bagi menghasilkan output dan impak kepada seluruh warga Simpang Renggam.

Pelan Strategik kali ini bertemakan Penyampaian Perkhidmatan Perbandaran secara holistik di mana MDSR memperluaskan praktis kerja sosial dalam perkhidmatan perbandaran, pembangunan modal insan serta peningkatan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan.

Besarlah harapan saya agar semua warga kerja MDSR dapat bersama – sama mengganding bahu dan berkerjasama dalam mengorak langkah menjadikan MDSR sebuah PBT yang bertepatan dengan visi iaitu ke arah perbandaran lestari.

Sekian, terima kasih

Syed Aminuddin Bin Syed Salleh
Setiausaha
Majlis Daerah Simpang Renggam

Ringkasan

EKSEKUTIF

Pelan Strategik ini merupakan sebuah dokumen hala tuju MDSR dalam masa 5 tahun yang amat penting untuk dijadikan garis panduan bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Dokumen ini juga merupakan salah satu daripada usaha MDSR dalam mencipta dan membentuk hala tuju, budaya kerja dan identitinya tersendiri.

Pelan Strategik ini mensasarkan visi untuk menjadikan Majlis Daerah Simpang Renggam Ke Arah Bandar Lestari sebagai komitmen MDSR dalam menjalankan misi bagi memberikan perkhidmatan perbandaran yang cekap kepada masyarakat. Majlis Daerah Simpang Renggam telah menetapkan 5 objektif strategi bagi merealisasikan visi dan misi yang digariskan iaitu :-

1. Tadbir Urus
2. Hasil
3. Pembangunan
4. Masyarakat
5. Persekuturan

Setiap objektif strategi akan dilaksanakan melalui pelan tindakan yang diperincikan dalam Hala Tuju Strategik & Pelan Tindakan di dalam Bab 4 yang mengandungi strategi – strategi, aktiviti/program, *indicator*, Penunjuk Prestasi Utama (KPI)/Sasaran dan pemacu program. Pelan tindakan ini seharusnya dapat memantapkan perkhidmatan teras MDSR serta meningkatkan sistem penyampaian kepada komuniti selari dengan hasrat MDSR untuk mewujudkan persekitaran perbandaran yang terbaik melalui perkhidmatan perbandaran yang berkualiti, telus dan cekap melalui penggembelingan tenaga dan sumber secara efisien kepada masyarakat Simpang Renggam.

Penentu kejayaan Pelan Strategik ini memerlukan penglibatan dari semua peringkat dalam jabatan dan juga masyarakat. Kejayaan pelaksanaan objektif strategik ini pula perlu didokong oleh seluruh warga kerja MDSR melalui penerapan dan pengamalan nilai – nilai bersama yang menjadi teras kekuatan MDSR iaitu :-

- Makmur
- Dinamik
- Sejahtera
- Responsif


Pelan Strategik ini akan menjadi panduan dan rujukan sepanjang tahun 2022 – 2026. Justeru itu pemantauan berterusan dan kajian dari semasa ke semasa perlu ditekankan bagi memastikan ianya sentiasa relevan dan seterusnya menjadi pembolehdaya strategik dalam usaha MDSR untuk mencapai visi pada tahun 2026.

Dengan adanya pelan ini, hala tuju organisasi pada jangka masa panjang akan dapat dilihat dalam skop yang lebih luas di mana pelan ini boleh dijadikan sumber rujukan di dalam penyediaan perancangan kerja tahunan oleh setiap jabatan/bahagian/unit di MDSR. Sehubungan itu, perancangan tahunan akan selaras dengan visi, misi dan objektif MDSR sepanjang tempoh 2022 hingga 2026. Semoga dengan adanya dokumen, di harap ia akan menjadi penanda aras bagi Majlis Daerah Simpang Renggam terus maju dan berada dalam landasan yang tepat demi kesejahteraan masyarakat.

BAB 01

PENDAHULUAN

*Sejarah & Latar belakang
Fungsi dan Peranan & Objektif
Carta Organisasi*



LATAR BELAKANG PENUBUHAN **MDSR**

Majlis Daerah Simpang Renggam pada asalnya adalah Majlis Daerah Kluang Selatan, dimana pengistiharan sebagai Majlis Daerah Simpang Renggam adalah pada 1 Januari 2001. Ini adalah selaras dengan penstrukturkan semula Kerajaan Negeri dengan peningkatan taraf beberapa buah Penguasa Tempatan di Negeri Johor.

Pada asalnya Pejabat Majlis Daerah Simpang Renggam terletak di Bandar Renggam tetapi kepesatan pembangunan yang begitu ketara di Pekan Simpang Renggam menjadikan tumpuan kependudukannya begitu pesat sekali. Maka pada 1 Januari 1996, Pejabat ini dengan resminya dipindahkan ke Simpang Renggam sebagai pusat pentadbiran utama.

Majlis Daerah Simpang Renggam merangkumi 6 buah Majlis Tempatan iaitu Renggam, Simpang Renggam, Machap, Layang - Layang, Sungai Sayong & Taman Seri Lambak. Penstrukturkan semula oleh Kerajaan Persekutuan pada tahun 1979 dengan kuasa perundungan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 sebagai teras kepada wujudnya sebuah Kerajaan Tempatan yang berfungsi sebagai pemangkin prasarana kepada masyarakat di pendaerahan ini yang keluasaannya diwartakan di bawah Pelan Warta PW1287 (JPW.17. 1979) dengan anggaran penduduk seramai 49,780 orang terdiri dari pelbagai kaum.

PENEMPATAN **MDSR**

Terdiri daripada Enam (6) buah penempatan iaitu Renggam, Simpang Renggam, Machap, Sungai Sayong, Layang - Layang dan Taman Seri Lambak (T6) dengan ciri-ciri dan sejarah penempatannya yang unik. Pekerjaan utama adalah sebagai peladang, pedagang dan kakitangan kerajaan serta swasta.

Letusan Karokatua pada tahun 1950 mengujudkan penempatan baru di pendaerahan Kluang Selatan. Sebuah bukit terbelah dua dan menjadi rengang yang masih boleh dilihat sehingga kehari ini. **Peristiwa 'rengang'nya bukit itu menjadi sebutan ramai. 'Rengang' menjadi 'Renggam' dan itulah kewujudan unik Bandar Renggam.**

Sejarah Bandar Renggam tercatat dalam Muzium British di United Kingdom dimana ia telah menerima kunjungan Ratu Elizeberth dan Ratu Victoria pada tahun-tahun 1950'an. Sebagai penempatan utama pada masa itu, ia telah menjadi tumpuan Kolonial Inggeris yang memiliki ladang-ladang besar seperti Ladang Guthrie, Ladang Ulu Remis dan sebagainya yang masih kekal sehingga kehari ini.

Padang Golf, lapangan terbang dan bangunan-bangunan lama adalah tinggalan sejarah yang masih kekal sehingga kini.

FUNGSI DAN PERANAN

- Tugas-tugas berhubung dengan pentadbiran, urusetia dan kewangan Pembersihan bandar dan rekreasi
- Mengatur, mengawal dan merancang kemajuan dan bangunan dalam kawasan Majlis
- Menambah jalan, tempat awam, taman perumahan dan memberi nombor rumah
- Mengadakan lampu jalan dan membuat kerja penyelenggaraan lampu isyarat
- Membuat kawalan dan peraturan bagi kerja-kerja bangunan dan tempat awam
- Mengatur dan mengawal lalulintas dalam kawasan Majlis
- Membina dan menyelenggara tempat awam dan kemudahan awam seperti pasar, perhentian bas, teksi, gerai dan sebagainya
- Menjaga kesihatan awam dan kawalan penyakit
- Memproses dan mengeluarkan lesen perniagaan, pengiklanan dan pasar awam
- Menganalisa, menilai dan menyediakan senarai nilai harta tanah dan kadaran harta dalam kawasan Majlis
- Mengawalselia ke atas penswastaan sistem pengurusan sisa pepejal
- Mempastikan pulangan hasil bagi bangunan Majlis yang disewakan dengan menetapkan kadar sewa bangunan tersebut.


OBJEKTIF

- Mempertingkatkan kualiti perkhidmatan serta kecermerlangan pengurusan MDSR.
- Perancangan pembangunan yang tersusun dan sistematik sesuai dengan dasar-dasar dan keputusan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat.
- Mewujudkan satu sistem kawalan pelesenan dan kesihatan persekitaran yang cekap dan harmoni.
- Mempertingkatkan kutipan hasil dan mengeksplorasikan dengan sepenuhnya potensi yang terdapat pada sumber kewangan sedia ada.
- Memperkemaskan lagi Sistem Kewangan dan perakaunan serta mengawal perbelanjaan mengurus.
- Memperbaiki dan memperbaharui serta memperkemaskan peraturan dan undang-undang yang bersesuaian dengan perubahan semasa.

CARTA ORGANISASI

YANG DIPERTUA (N48)

PEMB. TADBIR (P/D) – N19/N22



BAB 02



PENCAPAIAN & PENGIKTIRAFAN 2016-2021



PENCAPAIAN 2015 & 2016



PENCAPAIAN 2017



PENCAPAIAN 2018



PENCAPAIAN 2019



ISO 2008



PENGIKTIRAFAN



PENGIFTIRAFAN



Anugerah Bandar Mampan 2020




Sijil Audit Bersih Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019

BAB 03



SISTEM PENGURUSAN KUALITI

*Skop Pengurusan Perkhidmatan
Dokumentasi Sistem Pengurusan
Isu dan cabaran (Analisis SWOT)
Pihak Berkepentingan
Dasar Kualiti
Piagam Pelanggan
Nilai Bersama*



SKOP:

PERBANDARAN & KHIDMAT SOKONGAN

.....

Pengurusan Kualiti (4,5,6,9,10)

1. Pelan Strategik (4.1, 4.2, 4.3, 4.4, 5.1, 5.2, 5.3)
2. Daftar Risiko & Peluang (6.1)
3. Piagam Pelanggan (6.2)
4. Aduan & Maklumbalas Pelanggan (9.1.2)
5. Audit Dalam (9.2)
6. Kajian Semula Pengurusan (9.3)

Fungsi Utama (8,9,10)

1. Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
2. Jabatan Kesihatan Awam
3. Jabatan Kejuruteraan
4. Jabatan Perancang Bandar & Landskap
5. Jabatan Pelesenan & Penguatkuasaan
6. Jabatan Pembangunan Masyarakat
7. Unit Audit Dalam
8. Unit Undang-undang
9. Unit OSC

Fungsi Sokongan (7,9,10)


1. Jabatan Khidmat Pengurusan
 - i. Bahagian Pentadbiran
 - ii. Bahagian Sumber Manusia
 - iii. Bahagian Teknologi Maklumat
2. Jabatan Kewangan
3. Unit Perhubungan Awam & Korporat

**** *Klausa 8.3 dikecualikan kerana tiada sebarang kerja rekabentuk dilaksanakan.***


DOKUMENTASI SISTEM PENGURUSAN KUALITI MDSR



ISU DAN CABARAN



PIHAK BERKEPENTINGAN



DASAR KUALITI

.....

Majlis Daerah Simpang Renggam



PIAGAM PELANGGAN

.....

Sistem perkhidmatan pelanggan **MDSR** sentiasa memberikan layanan mesra dan perkhidmatan terbaik semasa berurusan dengan anda melalui:

1. Memastikan notifikasi aduan diberikan dalam tempoh 24 jam.
2. Layanan di kaunter akan diberikan selewat-lewatnya 30 minit selepas nombor giliran dikeluarkan.
3. Memastikan lesen perniagaan dan iklan:
 - 3.1 Lesen tidak berisiko akan dikeluarkan dalam tempoh 1 hari dari tarikh permohonan lengkap diterima.
 - 3.2 Lesen berisiko akan dikeluarkan dalam tempoh 30 hari dari tarikh permohonan lengkap diterima.
4. Pelan-pelan permohonan yang diluluskan akan diperakukan dalam tempoh sebagaimana berikut:
 - 4.1 Pelan Kebenaran Merancang (Kategori A dan B) : 98 hari
 - 4.2 Pelan Kejuruteraan : 92 hari
 - 4.3 Pelan Bangunan : 92 hari
 - 4.4 Pelan Lanskap : 98 hari
5. Memastikan semua permohonan Pelan Bangunan **MDSR** diberi keputusan selewat-lewatnya 92 hari bermula dari tarikh permohonan lengkap diterima.
6. Memastikan semua tuntutan pembayaran dijelaskan dalam tempoh 14 hari dari tarikh tuntutan yang lengkap diterima oleh Jabatan.
7. Pengeluaran bil cukai taksiran dalam masa 4 minggu sebelum bermulanya penggal baharu.
8. Memastikan perkhidmatan kawalan wabak denggi kepada warga kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui aktiviti semburan kabus diambil tindakan 72 jam setelah menerima arahan.
9. Memastikan aktiviti-aktiviti pembangunan sosial kemasyarakatan, dilaksanakan 24 kali setahun mengikut bilangan Ahli Majlis yang dilantik.

NILAI-NILAI BERSAMA


- 1 MAKMUR** Hasil banyak dan selesa didiami 
- 2 DINAMIK** Sepenuh tenaga dan kekuatan 
- 3 SEJAHTERA** Aman, makmur, tenteram dan terpelihara 
- 4 RESPONSIF** Sedia membantu dan bekerjasama 

BAB **04**



HALA TUJU STRATEGIK & PELAN TINDAKAN

Pelan Strategik MDSR 2022-2026



PELAN STRATEGIK MDSR 2022-2026

2022 - 2026

PETA STRATEGIK MDSR



BAB 05



STRATEGI & PELAN TINDAKAN

Strategi, Program dan KPI

- i. *Strategi Objektif 1*
- ii. *Strategi Objektif 2*
- iii. *Strategi Objektif 3*
- v. *Strategi Objektif 4*



SO1

TADBIR URUS YANG BERKUALITI

S1

Memantap Pengurusan
Sumber Manusia

S2

Memperkuuh Dan
Meningkat Budaya
Kualiti Dan Inovasi

S3

Mengekalkan
Pengurusan Berkualiti

S4

Meningkatkan Kualiti
Pengurusan

S5

Program Promosi
Majlis Daerah Simpang
Renggam

S6

Peningkatan Hasil

S7

Peningkatan Hasil
Bukan Cukai
(Lesen dan Permit)

S8

Pengurusan Belanjawan
Secara Efektif

S9

Memantapkan Medium
Kutipan Hasil

S10

Menambah Pelaburan

S11

Memantapkan Pematuhan
Terhadap Prosedur Dan Pekeliling.

1

TADBIR URUS YANG BERKUALITI

STRATEGI	PROGRAM/INISIATIF	SASARAN/PENCAPAIAN/PERATUS/KUANTITI					BAJET TAHUNAN (RM)
		2022	2023	2024	2025	2026	
Memantap Pengurusan Sumber Manusia	Rancangan Kemajuan Kerjaya (melanjut pelajaran)						
	Ijazah	1	1	1	1	1	25,000.00
	Diploma	1	1	1	1	1	15,000.00
	Program pusingan kerja dan pendedahan (<i>attachment</i>)	1	1	1	1	1	
	Pengekalan penarafan HRMIS 5 bintang	100%	100%	100%	100%	100%	
Memperkuuh dan meningkat budaya kualiti dan inovasi	Penubuhan dan penyertaan KIK						
	Penubuhan	1	1	1	1	1	
	Penyertaan	1	1	1	1	1	
	Pencapaian	1	1	1	1	1	
	Bank Inovasi	1	1	1	1	1	
Mengekalkan Pengurusan Berkualiti	Integriti tiada kes	0	0	0	0	0	
	Pematuhan kepada pekeliling, surat dan akta	100%	100%	100%	100%	100%	
	Kehadiran bertugas (Pentadbiran)	100%	100%	100%	100%	100%	
	Program pembangunan sahsiah, jatidiri & motivasi	100%	100%	100%	100%	100%	
	Mengekalkan sijil bersih penyata kewangan	100%	100%	100%	100%	100%	

MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGGAM
PELAN STRATEGIK 2022-2026

STRATEGI	PROGRAM/INISIATIF	SASARAN/PENCAPAIAN/PERATUS/KUANTITI					BAJET TAHUNAN (RM)
		2022	2023	2024	2025	2026	
Meningkatkan kualiti pengurusan	Pengekalan Pensijilan ISO 9001 : 2015	1	1	1	1	1	30,000.00
	Kajian Semula Pelan Strategik	2	2	2	2	2	30,000.00
	Ke arah Penarafan 5 Bintang bagi Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT)	100%	100%	100%	100%	100%	30,000.00
	Laporan Tahunan	1	1	1	1	1	10,000.00
Program Promosi Majlis Daerah Simpang Renggam	Promosi pelancongan MDSR (Billboard)	2	2	2	2	2	10,000.00
	Peningkatan jumlah pengikut di media sosial						
	Facebook	2%	3%	2%	3%	3%	
	Instagram	5%	5%	5%	5%	5%	
	Kajian Persepsi Masyarakat setempat terhadap MDSR	0	0	1	0	0	5,000.00
	Penerbitan Majalah/ Buletin MDSR	1	1	1	1	1	10,000.00
	Pelaksanaan program pendidikan kepada peniaga / penjaja	1	1	1	1	1	
Peningkatan Hasil	Perluasan Kawasan Warta Tempat Letak Kereta	1	1	1	1	1	
	Kutipan hasil tempat letak kereta setiap tahun	10%	10%	10%	10%	10%	
	Perwartaan undang-undang baru setiap tahun	2	2	2	2	2	
	Semakan kadar (2024)	0	0	1	0	0	

STRATEGI	PROGRAM/INISIATIF	SASARAN/PENCAPAIAN/PERATUS/KUANTITI					BAJET TAHUNAN (RM)
		2022	2023	2024	2025	2026	
Peningkatan Hasil	Peningkatan Hasil Cukai 1.Hasil baru CCC 2.Ubah tambah 3.Kadar cukai baru	-	2%	20%	2%	2%	
	Melaksanakan Penilaian Am Semula Dan Cadangan Kuatkuasa Cukai Harta Tahun 2023 (semakan kadar)	80%	100%	0	0	0	
	Penilaian semula						
	Peratus Kutipan Tunggakan	5%	5%	5%	5%	5%	
	Peningkatan bagi kutipan hasil harta tanah MDSR (Dewan, stadium mini, gelanggang permainan)	5%	5%	5%	5%	5%	
	Peningkatan pengisian sewa gerai	80%	85%	85%	90%	90%	
Peningkatan Hasil Bukan Cukai (Lesen dan Permit)	Kutipan tunggakan sewa gerai (6 tahun)	20%	50%	70%	80%	90%	
	Pemutihan						
	Papan iklan	100%	100%	100%	100%	100%	
	Permit kaki lima	100%	100%	100%	100%	100%	
Pengurusan Belanjawan Secara Efektif	Permit penjaja pasar malam/pasar tani/pasar pagi	100%	100%	100%	100%	100%	
	Pengurusan belanjawan yang efektif dengan penjimatan perbelanjaan	100%	100%	100%	100%	100%	10,000.00
Memantapkan Medium Kutipan Hasil	Menambah medium kutipan	1	1	1	1	1	10,000.00
Menambah Pelaburan	Simpanan Tetap	1%	1%	1%	1%	1%	0.00

STRATEGI	PROGRAM/INISIATIF	SASARAN/PENCAPAIAN/PERATUS/KUANTITI					BAJET TAHUNAN (RM)
		2022	2023	2024	2025	2026	
Memantapkan Pematuhan Terhadap Prosedur Dan Pekeliling.	Audit Jabatan	4	4	4	4	4	
	Audit Prestasi Projek	1	1	1	1	1	
	Audit Pengurusan Kewangan	1	1	1	1	1	
	Pengurusan (ISO & EKSA)	2	2	2	2	2	
	Audit Khas	1	1	1	1	1	



Renggam

1.884274, 103.40206



2 STRATEGI OBJEKTIF

STRATEGI	PROGRAM/INISIATIF	SASARAN/PENCAPAIAN/PERATUS/KUANTITI					BAJET TAHUNAN (RM)
		2022	2023	2024	2025	2026	
Zon Bersih	Penetapan Kawasan Zon Bersih	1	1	1	1	1	
Menambahbaik dan Memperkasa Premis Perniagaan	Penilaian terhadap Gerai Majlis sahaja	100%	100%	100%	100%	100%	
	Bilangan Gerai Gred A	10	10	10	10	10	
Meningkat Kemudahan Sokongan	Tandas Awam 5 Bintang	1	0	1	0	1	



3 STRATEGI OBJEKTIF

STRATEGI	PROGRAM/INISIATIF	SASARAN/PENCAPAIAN/PERATUS/KUANTITI					BAJET TAHUNAN (RM)
		2022	2023	2024	2025	2026	
Penyelenggaraan	Menyelenggara bangunan gerai sediada (300 gerai)	0	5	5	5	5	200,000.00
	Menyelenggara Infrastruktur Kemudahan Awam 1.Dewan 2.Pasar 3.Tandas 4.Tempat Menunggu Bas	3	3	3	3	3	350,000.00
	Menaiktaraf lampu isyarat sediada kepada lampu isyarat bernombor dalam kawasan Bandar Simpang Renggam	1	0	1	0	1	100,000.00
	Menaiktaraf lampu konvesional kepada lampu LED dalam kawasan bandar Simpang Renggam 100 nos (600 tiang lampu)	20	20	20	20	20	70,000.00
	Membina laluan pejalan kaki di kawasan Simpang Renggam	500 meter	500 meter	500 meter	500 meter	500 meter	120,000.00
Perkhidmatan Pentadbiran Kontrak Yang Lebih Efektif, Efisyen dan Adil	Pematuhan terhadap pekeliling Perolehan	100%	100%	100%	100%	100%	
Tadbir Urus	Pematuhan terhadap pekeliling Portal OSC	100%	100%	100%	100%	100%	
Pengindahan Bandar	Cadangan naiktaraf landskap di kawasan bandar dan di sepanjang laluan protokol	2 projek	2 projek	2 projek	2 projek	2 projek	60,000.00

MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGHAM
PELAN STRATEGIK 2022-2026

STRATEGI	PROGRAM/INISIATIF	SASARAN/PENCAPAIAN/PERATUS/KUANTITI					BAJET TAHUNAN (RM)
		2022	2023	2024	2025	2026	
Kawalan Bangunan	Pemutusan pembinaan banguna komersial dan industri tanpa kebenaran	10%	20%	60%	80%	100%	10,000.00
	Pelaksanaan pelan setara bagi permohonan ubahan tambahan rumah kediaman	10%	20%	60%	80%	100%	10,000.00
	Pewartaan RTD	100%	100%	100%	100%	100%	5,000.00
	Pematuhan RTD	100%	100%	100%	100%	100%	
Pelaksanaan Pelan Induk Bandar Rendah Karbon Negara	Pemasangan solar panel 1. A 2. B 3. C 4. D 5. E	1 bgn	1 bgn	1 bgn	1 bgn	1 bgn	
	Penyediaan laluan basikal	1	1	0	0	0	
	Penyediaan pelan tindakan Bandar rendah karbon Simpang Renggam	50%	100%	100%	100%	100%	30,000.00
	Pelaksanaan inisiatif Bandar rendah karbon	10%	25%	50%	75%	100%	30,000.00
	Naiktaraf kawasan lapang menjadi taman awam/ rekreasi 1. A 2. B 3. C 4. D 5. E	1 projek	1 projek	1 projek	1 projek	1 projek	





4 STRATEGI OBJEKTIF

STRATEGI	PROGRAM/INISIATIF	SASARAN/PENCAPAIAN/PERATUS/KUANTITI					BAJET TAHUNAN (RM)
		2022	2023	2024	2025	2026	
Kesejahteraan Rakyat	Penyediaan kertas siasatan						
Persekutaran Lestari	Program-program						
	Penyampaian Sumbangan (MDSR Prihatin / Gerobok Rezeki)	3	3	3	3	3	50,000
	Pendaftaran e-kasih / Program Pembasmian Kemiskinan Bandar	10	10	10	10	10	0
	Townhall / gerak mesra	20	20	20	20	20	15,500
Anugerah Diperingkat Negeri, Kebangsaan Dan Antarabangsa	Menyertai program-program pertandingan Perancang	1	1	1	1	1	25,000.00
	Menyertai program-program pertandingan Lanskap	1	1	1	1	1	25,000.00
	Anugerah landskap	0	0	1	0	0	

Penutup

Sistem penyampaian perkhidmatan awam yang cekap amat diperlukan bagi menjamin kelancaran dan keberkesanan dasar dan strategi pembangunan negara. Ia juga bagi memenuhi tuntutan dan harapan warga **Simpang Renggam** yang terus meningkat.

Justeru, **Pelan Strategik MDSR 2022 – 2026** telah menggariskan beberapa teras strategik dan menyediakan **strategi serta tindakan atau program** yang perlu dilaksanakan dalam usaha merealisasikan **visi, misi** dan **objektif MDSR**.

Tumpuan akan diberikan kepada usaha penambahbaikan **mekanisme pelaksanaan, penyelarasan, pemantauan** dan **penilaian** agar program yang dirancang dapat dilaksanakan mengikut tempoh yang disasarkan serta pencapaianya dapat diukur berdasarkan penunjuk yang ditetapkan.

Pelan strategik ini juga akan dijadikan sebagai rangka kerja kepada pihak pengurusan untuk memantau hala tuju organisasi serta meningkatkan keupayaan dalamannya bagi **mencapai visi dan misi** yang telah ditetapkan.